

**GARIS PANDUAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN
PUSAT TRANSFORMASI KOMUNITI UNIVERSITI (UCTC)
DI SEKTOR PENGAJIAN TINGGI, KPM 2014**

PENDAHULUAN

1. Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) telah diilhamkan melalui National Blue Ocean Strategy (NBOS) Summit Meeting pada 21 November 2012 untuk membawa kemudahan, sumber dan tenaga universiti untuk sama dinikmati oleh semua masyarakat. Melalui UCTC pelbagai sumber universiti yang terdiri para pelajar, tenaga pengajar & fasiliti di universiti awam dapat digerakkan bagi mentransformasikan masyarakat setempat. Program yang dijalankan dapat mengurangkan jurang dan sempadan di antara warga kampus dan komuniti setempat.

LATAR BELAKANG

2. Terdapat lima (5) inisiatif yang digunakan bagi mencapai maksud UCTC ini iaitu:

- (a) membantu fakulti menyediakan bidang praktikal di dalam program / kursus universiti;
- (b) melibatkan fakulti dan pelajar dalam aktiviti transformasi di bandar dan luar bandar;
- (c) membolehkan komuniti tempatan untuk mengakses kursus universiti dan kemudahan yang tidak digunakan sepenuhnya;
- (d) melibatkan pakar-pakar yang berkelayakan untuk mengajar kursus-kursus jangka pendek; dan
- (e) menggunakan infrastruktur intelektual dan fizikal universiti untuk menggalakkan aktiviti keusahawanan.

3. Mengikut rekod lebih daripada 700 aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2013 dengan menggunakan peruntukan sedia ada di Kementerian Pendidikan Malaysia dan universiti yang terlibat. Aktiviti sebegini adalah terdiri dari aktiviti sedia ada dan mempunyai pelbagai skala.

KAEDAH PENGAGIHAN

4. Memandangkan tahun 2014 merupakan tahun pertama peruntukan khas diberikan, pulangan atau *outcome* yang tinggi kepada masyarakat adalah diharapkan. Untuk itu pihak sekretariat mencadangkan kaedah pengagihan adalah berasaskan perkara – perkara seperti berikut :

- (a) Prinsip – prinsip dalam pemilihan program adalah seperti berikut :

Bil.	Prinsip	Huraian
1.	<i>Low Cost</i>	Penggunaan kos yang sangat minima daripada kaedah tradisional
2.	<i>Rapid Execution</i>	Merealisasikan impak dengan cepat dalam tempoh 3 – 6 bulan
3.	<i>High Impact</i>	Menyumbang impak yang sangat tinggi kepada rakyat
4.	<i>Sustainability of Change</i>	Pengulangan dan perubahan dalam budaya

- (b) Tumpuan aktiviti / program UCTC bagi tahun 2014 adalah *visibility* (keternampakan). Ini bermaksud keternampakan UCTC pada pandangan umum. Aktiviti yang dirancang adalah seperti berikut :

Bil.	Perkara	Huraian
1.	Fizikal	Pengubahsuaian bangunan pejabat sedia ada, papan tanda dan penunjuk arah.
2.	Aktiviti Terancang	Aktiviti yang memiliki potensi yang menghasilkan impak yang tinggi dibiayai mengikut lima (5) inisiatif UCTC.
3.	Publisiti & Promosi	Pengiklanan berimpak tinggi dengan kos yang optima diutamakan. Selain itu kaedah perekodan yang berkesan perlu dirangka.
4.	Sistem Pengurusan Maklumat	Pengumpulan maklumat dan rekod yang teratur dan kemaskini menggunakan kaedah elektronik diutamakan.

- (c) Pengagihan peruntukan kepada IPTA, IPTS dan Bahagian – Bahagian adalah berdasarkan program / aktiviti yang telah dikenalpasti mengikut prinsip NBOS iaitu LHRS. Justeru itu tumpuan akan diberikan kepada IPT yang mempunyai *signature program* dan program *flagship* yang berteraskan kepada lima (5) inisiatif UCTC dan prinsip NBOS.

- (d) Setiap penerima peruntukan diwajibkan melaporkan perbelanjaan aktiviti serta program dan impak program seminggu selepas sesuatu program / aktiviti selesai dijalankan kepada sekretariat NBOS, KPM mengikut format yang disediakan.

CADANGAN PROGRAM

5. Bersama – sama dilampirkan format **Ringkasan Perancangan Strategik Bil.2 Tahun 2014 (Lampiran II)** bagi program di bawah dana UCTC dan format **kertas kerja (Lampiran III)**.

PENUTUP

6. Penyediaan garis panduan ini merupakan pemangkin kepada mutu penyampaian perkhidmatan dan program berimpak tinggi yang dijalankan. Hasilnya IPT mampu menggerak masyarakat kepada kehidupan yang lebih baik selaras dengan objektif transformasi negara.